

M-TEK

MODUL PEMBELAJARAN TEKNIKAL

Tahap 2

PRINSIP PERAKAUNAN



**PENGURUSAN AKADEMIK
BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

M-TEK

MODUL PEMBELAJARAN TEKNIKAL

PRINSIP PERAKAUNAN (TAHAP 2)

NAMA :
TINGKATAN :
TAHUN :
SEKOLAH :

TIDAK BOLEH DIJUAL



**PENGURUSAN AKADEMIK
BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

CETAKAN PERTAMA 2009

Cetakan Pertama Disember 2009
© Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini termasuk ilustrasi dan isi kandungan tidak boleh diterbitkan semula bagi tujuan komersial dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis dari Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 5&6 Blok E14, Kompleks Kerajaan Parcel E, Pusat Pentadbiran Persekutuan, 62604 Putrajaya.

☎ 03 – 88845194 Faks : 03 – 88845195

Disediakan oleh:

Unit Teknikal
Pengurusan Akademik
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kementerian Pelajaran Malaysia

Diterbitkan oleh :

Pengurusan Akademik
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kementerian Pelajaran Malaysia

M-TEK

MODUL PEMBELAJARAN TEKNIKAL

PRAKATA

M-TEK singkatan kepada Modul Pembelajaran Teknikal dihasilkan ekoran pencapaian pelajar aliran teknikal yang kurang memberangsangkan. Kekurangan bahan sokongan di pasaran turut menyumbang kepada masalah ini. Selain itu, keupayaan pelajar yang berbeza-beza dalam peperiksaan memberikan cetusan idea kepada Unit Teknikal, Pengurusan Akademik, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk menghasilkan modul ini.

Modul yang disediakan ini selari dengan keperluan sukatan pelajaran tingkatan 4 dan tingkatan 5. Ia merupakan bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran yang boleh membantu guru-guru dan pelajar untuk meningkatkan prestasi akademik ke tahap yang boleh dibanggakan. Sebagai usaha permulaan modul ini dilengkapi dengan nota ringkas peta minda (*Mind Map*) dan soalan-soalan latihan mengikut topik. Penambahbaikan akan dilakukan dari masa ke semasa agar selari dengan keperluan kurikulum terkini.

Saya mewakili Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Unit Teknikal, Pengurusan Akademik kerana mengambil inisiatif menerajui projek ini. Sekalung penghargaan saya panjatkan kepada guru-guru di atas sumbangan dan kepakaran mereka sebagai panel penulis modul. Semoga **M-TEK** yang disediakan ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang terlibat dengan penggunaan yang optimum. Adalah diharapkan modul ini dapat memberi impak yang besar sebagai bahan sokongan pembelajaran yang sekaligus menyumbang kepada keberhasilan pelajar aliran teknikal untuk melahirkan lebih ramai pelajar cemerlang yang mampu bersaing diperingkat lebih tinggi.

Pengarah
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kementerian Pelajaran Malaysia



PENGURUSAN AKADEMIK
BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

M-TEK

MODUL PEMBELAJARAN TEKNIKAL

PRINSIP PERAKAUNAN (TAHAP 2)

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
	SOALAN	
1.	TOPIK 2 ASET, LIABILITI, EKUITI PEMILIK, HASIL DAN BELANJA	1
2.	TOPIK 5 LEJAR	3
3.	TOPIK 6 IMBANGAN DUGA & PEMBETULAN KESILAPAN	5
4.	TOPIK 7 PENYATA KEWANGAN – MILIKAN TUNGGAL	6
5.	TOPIK 8 PERAKAUNAN UNTUK TUNAI	14
6.	TOPIK 9 PENGGAJIAN	20
7.	TOPIK 10 PERKONGSIAN	21
8.	TOPIK 11 SYARIKAT BERHAD (TIDAK TERSENARAI)	23
9.	TOPIK 12 AKAUN KELAB DAN PERSATUAN	25
10.	TOPIK 13 REKOD TAK LENGKAP	27
11.	TOPIK 14 PENGENALAN KEPADA PERAKAUNAN PENGURUSAN	29
12.	TOPIK 15 MAKLUMAT UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN	31
	SKEMA JAWAPAN	33

PENGURUSAN AKADEMIK
BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

M-TEK

MODUL PEMBELAJARAN TEKNIKAL

SOALAN

PENGURUSAN AKADEMIK
BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

TOPIK 2: ASET. LIABILITI. EKUITI PEMILIK. HASIL DAN BELANJAPERSAMAAN PERAKAUNAN

1. Tunjukkan persamaan perakaunan bagi urusniaga di bawah.
 - a. Maju jaya memulakan perniagaan dengan membawa masuk wang tunai RM20 000 sebagai modal
 - b. Meminjam wang tunai RM25 000 daripada Sykt Kewangan Mesra
 - c. Membeli sebuah kenderaan bernilai RM20 000. Sebanyak RM10 000 dibayar secara tunai dan bakinya akan dibayar kemudian
 - d. Membeli barang niaga secara kredit berharga RM15 000 daripada Sykt Meng
 - e. Pemilik membawa masuk komputer peribadi untuk kegunaan pejabat bernilai RM2 500

2. Rekodkan urusniaga berikut dalam jadual persamaan perakaunan
 - a. Memulakan perniagaan dengan memasukkan tunai RM5 000 sebagai modal.
 - b. Membeli komputer bernilai RM2 100 secara kredit daripada Kedai Komputer Lee
 - c. Membeli barang niaga RM1 200 secara tunai
 - d. Van kepunyaan keluarga bernilai RM7 000 di bawa masuk untuk kegunaan perniagaan
 - e. Pemilik membuat pinjaman sebanyak RM15 000 daripada Bank

B. Dengan hasil dan belanja

3. Berikut adalah Kunci kira-kira Syeril seorang peniaga pada 30 Nov 2005. Rekodkan urusniaga berikut dalam jadual persamaan perakaunan dan sediakan semula kunci kira-kira.

Kunci kira-kira pada 30 Nov 2005

Kenderaan	42 000	Modal	55 000
Perabot	4 700	Untung bersih	9 900
Stok	8 300	Pemiutang	2 000
Penghutang	3 300		
Bank	8 100		
Tunai	500		

Berikut urusniaga yang berlaku bulan nov.

- a. Syeril telah menerima daripada Jihan pinjaman RM4 000. Dia telah membayar RM960 kepada pemiutang dan baki wangnya telah dibankkan.
 - b. Membeli barang niaga RM590 secara kredit
 - c. Satu perlima daripada jumlah stoknya telah di jual pada harga RM2 130
 - d. Membayar belanja am RM80
 - e. Membayar sewa kedai RM200 secara tunai
 - f. Mengambil tunai RM95 untuk kegunaan sendiri.
4. Berikut adalah Kunci kira-kira Jeo Hock seorang peniaga pada 30 April 2005. Rekodkan urusniaga berikut dalam jadual persamaan perakaunan dan sediakan semula kunci kira-kira.

Kunci kira-kira pada 30 April 2005

Kenderaan	36 000	Modal	50 000
Alatan pejabat	7 500	Pemiutang	12 000
Stok	4 300	Untung Bersih	1 200
Penghutang	6 200		
Bank	9 200		

Berikut urusniaga yang berlaku bulan april.

- a. Menerima pinjaman RM2 000. Dia telah membeli barang niaga RM300 baki wangnya di bankkan.
- b. Membeli komputer bernilai RM3 220 secara kredit.
- c. Menerima RM4 100 daripada penghutang dan wang itu telah di bankkan. Diskaun tunai RM90 telah di berikan.
- d. Telah menjual mesin taip lama dan menerima tunai RM300 yang di bankkan.
- e. Menjual barang niaga secara kredit yang berkost RM520 dengan harga RM580
- f. Mengeluarkan cek RM360 untuk kegunaan sendiri.

5. Berikut ialah aset dan liabiliti Perniagaan Shamsudin pada 1 Mei 2009.

	RM
Premis	25 000
Kenderaan	12 000
Perabot	2 500
Stok	1 100
Penghutang	880
Bank	1 200
Pemiutang	680
Modal	42 000

Urusniaga-urusniaga sepanjang bulan Mei 2009 ialah seperti berikut:

- Mei 2 Terima sekeping cek bernilai RM280 kerana menjual barang bernilai RM150 secara tunai.
- 4 Membeli sebuah meja pejabat berharga RM100 dibayar dengan cek.
 - 7 Mengeluarkan wang tunai berjumlah RM150 dari bank untuk kegunaan sendiri.
 - 11 Belian kredit barang bernilai RM200.
 - 15 Membayar RM400 kepada pembekal dengan cek untuk menjelaskan sebahagian hutang.
 - 18 Membayar sewa sebanyak RM300 dengan cek.
 - 23 Menjual barang bernilai RM250 dengan harga RM290 secara kredit.
 - 27 Memasukkan tunai sebanyak RM1 000 ke dalam bank untuk menambah modal perniagaan.
 - 28 Menerima sekeping cek daripada penghutang kerana menjelaskan hutangnya berjumlah RM320.
 - 31 Membayar gaji sebanyak RM220 dengan cek.

Anda dikehendaki menyediakan **Kunci Kira-kira pada 31 Mei 2009** setelah mengambilkira urus niaga di atas.

TOPIK 5: LEJAR

Soalan 1

Berikut adalah buku-buku catatan pertama Kedai Ehsan.

Anda dikehendaki :

- (a) Memindahkan maklumat daripada buku catatan pertama ke lejar.
- (b) Menutup akaun lejar yang berkaitan ke Akaun Perdagangan dan Akaun Untung Rugi.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol	Debit	Kredit
2009			RM	RM
Jun 1	Tunai		1 250	
	Bank		6 750	
	Alatan Pejabat		8 000	
	Kenderaan		25 000	
	Penghutang : Kedai Wawasan		2 345	
	Pemuitang : Syarikat Perkasa			3 560
	Modal			_____
	(Aset, liabiliti dan ekuiti pemilik pada tarikh ini)		_____	_____
Jun 25	Ambilan		235	
	Belian			235
	(Ambilan barang-barang untuk kegunaan sendiri)			

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Fol	No. Dok.	Jumlah
2009				RM
Jun 6	Syarikat Perkasa			1 280
8	Syarikat Angkasa			960
30	Akaun Belian (dt)			2 240

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Fol	No. Dok.	Jumlah
2009				RM
Jun 14	Kedai Wawasan			540
22	Kedai Wawasan			351
30	Akaun Jualan (kt)			891

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Fol	No. Dok.	Jumlah
2009				RM
Jun 10	Syarikat Perkasa			64
30	Akaun Pulangan Belian (kt)			64

Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butir	Fol	No. Dok.	Jumlah
2009				RM
Jun 16	Kedai Wawasan			81
30	Akaun Pulangan Jualan (dt)			81

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Fol	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Fol	Tunai	Bank
2009			RM	RM	2009			RM	RM
Jun 1	Baki	h/b	1 250	6 750	Jun 16	Ambilan			500
3	Kedai Wawasan			1 200	20	Syk. Perkasa			2 560
10	Jualan		300		26	Gaji			1 600
15	Jualan		1 485		29	Belanja Am	125		
21	Kedai Wawasan			1 145	30	Kadar Bayaran			250
						Baki h/b		2910	4185
			3035	9095				3035	9095
Jul 1	Baki b/b		2910	4185					

Soalan 2

Berikut adalah urus niaga-urus niaga bagi Perniagaan Osman yang berlaku pada bulan Ogos 2009.

2009

- Ogos 1 Pemilik (En. Osman) memasukkan tunai RM50 000 ke dalam perniagaan sebagai modal, RM45 000 daripadanya dimasukkan ke dalam bank.
- 2 En. Osman membeli alatan pejabat dengan tunai RM1 000.
- 4 Sebuah meja pejabat dan dua buah kerusi dibeli daripada Kedai Perabot Fared secara kredit bernilai RM1 250.
- 5 Belian daripada Syarikat Suliah secara kredit bernilai RM2 800.
- 7 Jualan kredit kepada Syarikat Dini bernilai RM1 600.
- 10 Menjelaskan hutang sepenuhnya kepada Kedai Perabot Fared dengan cek., terima diskaun 10%.
- 12 En. Osman mengambil barang niaga bernilai RM150 untuk kegunaan peribadi.
- 18 Jualan tunai RM1 800 dibankkan.
- 20 Bayar gaji RM2 500 dan sewa RM1 000 dengan cek
- 25 Jualan kredit kepada Syarikat Qistina RM850.
- 28 Pulangan jualan daripada Syarikat Dini RM60.
- 30 Terima komisen secara tunai RM150.

Anda dikehendaki :

- mencatatkan urus niaga-urus niaga di atas ke dalam Buku Tunai dan lejar.
- mengimbang dan menutup akaun-akaun lejar.

Soalan 3

Butir-butir yang berikut diambil daripada buku-buku Syarikat Azam pada 31 Oktober 2009.

2009		RM
Okt 1	Baki penghutang	3 360
Okt 31	Jumlah jualan tunai	5 347
	Jumlah jualan kredit	16 487
	Bayaran diterima daripada pelbagai penghutang (termasuk hutang lapuk pulih RM257)	12 257
	Diskaun diberi	550
	Cek tak layan	120
	Diskaun diberi dibatalkan	70
	Faedah dikenakan ke atas penghutang	140
	Pulangan masuk	403
	Hutang lapuk	162

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Kawalan Penghutang pada 31 Oktober 2009.

Soalan 4

Maklumat berikut diberi oleh Syarikat Aliza.

2009		RM
Julai 1	Baki pemiutang	2 370
Julai 31	Jumlah belian	31 580
	Belian tunai	5 530
	Pembayaran kepada pemiutang	22 875
	Angkutan dikenakan oleh pembekal	1 244
	Diskaun diterima daripada pemiutang	386
	Pulangan barang kepada pembekal	292
	Faedah dikenakan oleh pemiutang	100

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Kawalan Pemiutang pada 31 Julai 2009.

TOPIK 6: IMBANGAN DUGA & PEMBETULAN KESILAPAN**Soalan 1**

Encik Abu, seorang kerani akaun telah mendapati akaun yang disediakan olehnya mempunyai kesilapan. Kesilapan yang dikesan adalah seperti berikut :

- Bayaran premium insurans sebanyak RM220 telah didebitkan ke Akaun Kadar Bayaran
- Belanja persendirian pemilik perniagaan berjumlah RM100 telah didebitkan ke Akaun Belanja Am
- Jualan mesin terpakai RM400 kepada Peniaga Siti secara kredit telah didebitkan ke Akaun Mesin dan dikreditkan ke Akaun Perniagaan Siti.
- Belanja tunai RM330 tidak dicatatkan dalam mana-mana buku.
- Belanja membaiki mesin sebanyak RM190 telah direkodkan dalam Akaun Mesin
- Ambilan barang niaga untuk kegunaan peribadi berjumlah RM85 belum direkodkan.

Anda dikehendaki membetulkan kesilapan-kesilapan tersebut melalui Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan)

Soalan 2

Yang berikut adalah Imbangan duga Perniagaan Sonata pada 31 Julai 2008

Imbangan Duga pada 31 Julai 2008

	RM		RM
Penghutang	8 500	Pemiutang	3 000
Ambilan	2 300	Modal	60 000
Tunai	1 475	Komisen	1 500
Gaji	9 000	Iklan terakru	5 440
Alatan pejabat	4 000		
Stok akhir	11 000		
Insurans	1 365		
Simpanan tetap	6 000		
Mesin	16 300		
Sewa	10 000		
	69 940		69 940

Selepas menyediakan Imbangan duga, kesilapan-kesilapan yang berikut ditemui

- peniaga telah membawa satu lagi alatan pejabat ke dalam perniagaan bernilai RM1 500 tetapi tidak direkodkan

- ii) penerimaan tunai daripada penghutang RM390 telah dibayar kepada pemiutang
- iii) hasil komisen RM1 000 telah dikreditkan ke Akaun Sewa
- iv) ambilan tunai RM175 dicatatkan sebagai RM157
- v) belanja membaiki mesin RM210 telah direkodkan dalam Akaun Mesin

anda dikehendaki menyediakan:

- a) catatan jurnal untuk membetulkan kesilapan di atas
- b) membetulkan kesilapan dalam lejar

Soalan 3

(RUJUK SOALAN DAN JAWAPAN PADA SOALAN 2)

Anda dikehendaki menyediakan :

- a) Imbangan Duga setelah kesilapan dibetulkan

Soalan 4

Aset, liabiliti dan ekuiti pemilik Perusahaan Laku Mayonis pada 1 Mac 2008 adalah seperti berikut:

Perabot	RM	6 000
Bank		1 000
Butik Anngun		1 500
Syarikat batik seri		2 000
Modal		6 500

Urusniaga yang berikut berlaku sepanjang bulan Mac 2008

Mac	1	menerima bayaran cek dari Butik Anngun	RM	1 000
	5	jualan secara tunai dibankkan		800
	11	mengambil Wang di bank untuk kegunaan sendiri		350
	18	membayar Syarikat Batik Seri dengan cek		1 400
		Mendapat diskaun dari Syarikat Batik Seri		100
	23	membeli barang secara kredit dari Syarikat Sutera Bayu		5 700
	29	membayar gaji pekerja dengan cek		500

Anda dikehendaki :

- a) merekodkan urusniaga di atas dalam lejar berkenaan
- b) menyediakan Imbangan Duga pada 31 Mac 2008

TOPIK 7: PENYATA KEWANGAN – MILIKAN TUNGGAL

7.1 PELARASAN PADA TARIKH IMBANGAN

(1) HASIL TERAKRU DAN HASIL TERDAHULU

Soalan

Maklumat berikut dipetik daripada Lai Soon Trading.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2009

	<u>Debit</u>	<u>Kredit</u>
	RM	RM
Faedah diterima		660
Komisen diterima		2 900

Maklumat tambahan :

- i. Faedah yang belum diterima ialah RM40.
- ii. Komisen yang diterima terdahulu ialah RM100.

Anda dikehendaki menyediakan :

- a) Akaun Faedah diterima
- b) Akaun Faedah diterima terakru
- c) Akaun Komisen
- d) Akaun Komisen diterima terdahulu
- e) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2009 (petikan)
- f) Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2009 (petikan)

(2) BELANJA TERAKRU DAN BELANJA TERDAHULU

Soalan

Baki-baki yang ditunjukkan dalam Imbangan Duga pada 31 Disember 2009 adalah seperti berikut.

<u>Imbangan Duga pada 31 Disember 2009</u>		
	<u>Debit</u>	<u>Kredit</u>
	RM	RM
Gaji	11 200	
Kadar bayaran	590	
Maklumat tambahan :		
i.	Gaji yang masih belum dibayar ialah RM800.	
ii.	Kadar bayaran yang dibayar terdahulu RM70.	

Anda dikehendaki menyediakan :

- a) Akaun Gaji
- b) Akaun Kadar bayaran
- c) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 (petikan)
- d) Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2009 (petikan)

(3) HUTANG LAPUK DAN PERUNTUKAN HUTANG RAGU

Soalan

Imbangan Duga (petikan) yang berikut diambil daripada buku Perniagaan Zizie pada 31 Disember 2009.

<u>Imbangan Duga pada 31 Disember 2009</u>		
	<u>Debit</u>	<u>Kredit</u>
	RM	RM
Penghutang	9 600	
Peruntukan hutang ragu		180

Maklumat tambahan :

- i. Pada tarikh imbangan, seorang penghutang yang berbaki debit RM300 didapati meninggal dunia. Pihak pengurusan memutuskan untuk menghapuskan hutang itu sebagai hutang lapuk.
- ii. Peruntukan hutang ragu hendaklah diselaraskan pada kadar 5% atas penghutang bersih.

Anda dikehendaki menyediakan :

- a) Akaun penghutang
- b) Akaun Hutang lapuk
- c) Akaun Peruntukan hutang ragu
- d) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 (petikan)
- e) Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2009 (petikan)

(4) HUTANG LAPUK TERPULIHSoalan

Pada 31 Disember 2009 dengan tidak disangka-sangka Perniagaan Abbas telah menerima sekeping cek bernilai RM200 daripada Salim. Hutang beliau telahpun dihapuskan sebagai hutang lapuk pada tempoh lepas.

Anda dikehendaki menyediakan :

- a) Akaun Hutang lapuk terpulih
- b) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 (petikan).

(5) SUSUT NILAI DAN PERUNTUKAN SUSUT NILAI

Pada 1 Julai 2008, alatan pejabat bernilai RM4 000 telah dibeli dengan tunai. Adalah dicadangkan alatan pejabat disustnilaikan pada kadar 15% atas kos mengikut kaedah garis

lurus. Tahun kewangan berakhir 31 Disember setiap tahun.

Anda dikehendaki menyediakan bagi dua tahun pertama :

- a) Akaun Peruntukan susut nilai alatan pejabat
- b) Akaun Susut nilai alatan pejabat
- c) Akaun Untung Rugi
- d) Kunci Kira-kira

(6) PELUPUSAN ASETSOALAN

Pada 1 Julai 2007, Syarikat Berkat Sdn. Bhd telah membeli sebuah mesin bernilai RM60 000 dengan cek. Kadar peruntukan susut nilai mesin ialah 20% setahun atas kos. Pada 31 Disember 2009, mesin tersebut telah dijual secara tunai pada harga RM35 000. Tahun kewangan Syarikat Berkat Sdn. Bhd. berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Sediakan akaun-akaun berikut untuk 3 tahun sehingga 31 Disember 2009 :

- a) Akaun Mesin
- b) Akaun Peruntukan susut nilai mesin
- c) Akaun Pelupusan Aset
- d) Akaun Untung Rugi

TOPIK 7 : PENYATA KEWANGAN – MILIKAN TUNGGAL

7.3 PENYATA PENDAPATAN DENGAN PELARASAN

Soalan 1

Cik S telah menubuhkan sebuah perniagaan , Mini Market Sasa di Bandar Muar, Johor. Berikut adalah Imbangan Duga Mini Market Sasa pada 30 Jun 2009.

MINI MARKET SASA
IMBANGAN DUGA PADA 30 JUN 2009

	DEBIT(RM)	KREDIT(RM)
Premis	80 000	
Stok pada 1 Julai 2008	16 970	
Pulangan	320	410
Bank		12 580
Sewa diterima		3 800
Gaji	7 400	
Ambilan	250	
Insurans atas belian	1 100	
Modal pada 1 Julai 2008		60 000
Tunai di tangan	870	
Kadar bayaran	2 952	
Pinjaman bank		40 000
Alatan	8 000	
Peruntukan susut nilai alatan		1 210
Peruntukan hutang ragu		354
Angkutan masuk	1 800	
Angkutan keluar	760	
Penghutang dan Pemiutang	9 860	7 178
Belian dan Jualan	<u>57 550</u>	<u>62 300</u>
	<u>187 832</u>	<u>187 832</u>

Maklumat tambahan:

- i. Stok pada 30 Jun 2009 bernilai :
harga pasaran RM 18 590 dan
harga kos RM 21 780
- ii. Gaji terdahulu RM 210
- iii. Alatan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut baki berkurangan
- iv. Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 5% atas penghutang bersih.
- v. Pemilik telah mengambil barang niaga bernilai RM 80 sebulan untuk kegunaan sendiri. Tiada catatan dibuat tentang maklumat ini.

Anda dikehendaki menyediakan :

- a. Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2009 dan
- b. Kunci Kira-Kira pada 30 Jun 2009 (Tunjukkan modal kerja)

Soalan 2

Berikut adalah baki-baki yang diambil daripada Ting Tong Enterprise pada 31 Disember 2009

	Debit(RM)	Kredit(RM)
Belian dan Jualan	38 500	43 100
Pulangan	160	
Angkutan keluar	470	
Sewa	3 100	
Upah	385	
Gaji	4 600	
Kadar bayaran	987	
Diskaun	316	500
Komisen	679	821
Hutang lapuk	120	
Ambilan	480	
Kenderaan(kos)	45 700	
Perabot (kos)	6 100	
Peruntukan susut nilai kenderaan		6 570
Peruntukan susut nilai perabot		1220
Peruntukan hutang ragu		556
Stok pada 1 Januari 2009	8 200	
Tunai di tangan	750	
Tunai di bank	6 580	
Pinjaman(mulai 1/1/2009)		5 000
Modal pada 1 Januari 2009		55 000
Penghutang dan Pemiutang	<u>3 120</u>	<u>7 480</u>
	<u>120 247</u>	<u>120 247</u>

Maklumat tambahan :

- i. Stok pada 31 Disember 2009 dinilai sebanyak RM 13 500
- ii. Sewa tahunan adalah RM 3 600
- iii. Pinjaman dikenakan faedah sebanyak 10% setahun
- iv. Semua aset disusutnilaikan sebanyak 15% setahun atas kos
- v. Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas penghutang
- iv. Sekeping nota kredit telah dihantar bernilai RM 300 oleh pemiutang kerana pulangkan barang yang rosak. Pekara ini belum direkodkan lagi.

Anda dikehendaki menyediakan :

- a. Penyata pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 dan
- b. Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2009 (Tunjukkan modal kerja)

Soalan 3

Baki akaun berikut diperolehi daripada Kedai Serbaguna Cola pada 30 Sept 2009

	Debit(RM)	Kredit(RM)
Belian dan Jualan	39 900	50 800
Alatan Pejabat	9 700	
Pulangan keluar		190
Stok pada 1 Oktober 2008	8 400	
Komisen		255
Insurans	1 440	
Peruntukan susut nilai alatan pejabat		1 340
Kadar bayaran	910	
Pinjaman bank		7 000
Tunai runcit	561	
Bank		1 030
Faedah atas pinjaman	200	
Upah atas belian	399	
Modal pada 1 Oktober 2008		9 905
Gaji	5 100	
Penghutang dan Pemiutang	<u>6 280</u>	<u>2 370</u>
	<u>72 890</u>	<u>72 890</u>

Maklumat tambahan :

- i. Stok pada 30 September 2009 bernilai :
pada harga kos RM 12 560
pada harga pasaran RM 12 650
- ii. Insurans dibayar mulai 1 Jun 2009 sehingga 31 Mei 2010
- iii. Pinjaman bank dikenakan faedah sebanyak 5% setahun
- iv. Upah atas belian RM100 telah tersalah masuk ke akaun gaji. Pekara ini belum direkodkan lagi.
- v. Susut nilai alatan pejabat ditetapkan pada kadar 10% setahun mengikut baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan :

- a. Akaun Perdagangan dan Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Sept 2009
- b. Kunci Kira- Kira pada 30 September 2009

Soalan 4

Encik Leman ialah pemilik Butik Pakaian Angun yang menjalankan perniagaannya di Bandar Taiping, Perak. Imbangan duga perniagaannya pada 31 Disember 2009 seperti berikut :

BUTIK PAKAIAN ANGUN
IMBANGAN DUGA PADA 31 DISEMBER 2009

	Debit(RM)	Kredit(RM)
Modal pada 1 Januari 2009		40 800
Stok pada 1 Januari 2009	17 450	
Lengkapan (kos)	21 300	
Bank	5 900	
Kadar bayaran	2 108	
Diskaun diterima		860
Angkutan masuk	1 100	
Duti import	700	
Hutang lapuk	150	
Gaji	6 410	
Pulangan jualan	295	
Insurans	500	
Penghutang dan Pemiutang	3 600	2 749
Belian dan Jualan	<u>46 320</u>	<u>61 424</u>
	<u>105 833</u>	<u>105 833</u>

Maklumat tambahan :

- i. Stok pada 31 Disember 2009 bernilai RM 15 030
- ii. Hutang Encik Lim RM 150 telah dihapuskan sebagai hutang lapuk. Bagaimanapun sekeping cek telah diterima daripada Encik Lim pada 12 Disember 2009 untuk menjelaskan hutang RM150. Tiada catatan dibuat
- iii. Lengkapan dibeli pada 1 Mei 2009. Susut nilai lengkapan pada kadar 10% setahun atas kos.
- iv. Sebahagian daripada insurans RM 200 adalah untuk kediaman rumah persendirian pemilik.
- v. Wujudkan peruntukan hutang ragu 3% atas penghutang

Anda dikehendaki menyediakan :

- a. Akaun Perdagangan dan Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2009
- b. Kunci Kira- Kira pada 31 Disember 2009

Soalan 5

Berikut adalah senarai baki-baki yang diambil dari buku Kedai Perabot Seri Rusa pada 30 Jun 2009 .

Debit(RM)		Kredit(RM)	
Kenderaan	65 000	Kadar bayaran	2 730
Alatan Pejabat	12 000	Gaji pekerja	8 900
Penghutang	4 100	Sewa kedai	8 600
Pemiutang	1 950	Belanja am	350
Stok pada 1 Julai 2008	2 840	Simpanan Tetap	20 000
Tunai di tangan	480	Faedah atas simpanan	1 600
Overdraf bank	2 700	Belian	53 080
Peruntukan susut nilai		Jualan	71 460
Kenderaan	13 000	Modal	85 000
Alatan Pejabat	1 600	Komisen diterima	3 900
Peruntukan hutang ragu	70		

Maklumat tambahan :

- i. Stok pada 30 Jun 2009 dinilai:
 harga pasaran RM 3 910
 harga kos RM 3 190
- ii. Hutang lapuk RM 100 dihapuskan belum direkodkan
- iii. Komisen sebanyak RM 270 masih belum diterima lagi
- iv. Peruntukan hutang ragu diselaraskan 3% atas penghutang bersih
- v. Kenderaan disusutnilaikan 20% setahun mengikut baki berkurangan sementara alatan pejabat disusut nilai 10% setahun atas kos
- vi. Sewa rumah kediaman RM 400 telah dimasukkan ke dalam sewa kedai. Tiada catatan dibuat.

Anda dikehendaki menyediakan :

- a. Penyata pendapatan bagi tahun berakhir pada 30 Jun 2009
- b. Kunci Kira-Kira pada 30 Jun 2009 (Tunjukkan modal kerja)

TOPIK 8: PERAKAUNAN UNTUK TUNAI**8.3 BELANJAWAN TUNAI****Soalan 1**

Encik Jonny ialah pemilik Kedai Runcit Jonny di Taman Sentosa. Pada 1 April 2009, baki tunai perniagaannya RM2,750. Anggaran kewangan yang disediakan oleh Encik Jonny bagi bulan April, Mei dan Jun adalah seperti berikut:

- (i) Sewa kedai bulanan RM 400.
- (ii) Mesin pendaftaran tunai yang bernilai RM750 akan dibeli dalam bulan Mei.
- (ii) Anggaran jualan adalah seperti berikut:

April	6,000
Mei	7,500
Jun	6,750

10% daripada jualan adalah jualan secara kredit dengan tempoh kredit sebulan.
- (iv) Belian kredit (tempoh kredit sebulan) bagi bulan April ialah RM2,050, Mei ialah RM2,850 dan Jun RM3,000.
- (v) Gaji pembantu kedai bulanan RM315.
- (vi) Kadar bayaran bulanan dianggarkan RM50 dan dijangka meningkat 10% pada bulan Jun.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi Encik Jonny bagi 3 bulan berakhir 30 Jun 2009.

Soalan 2

Puan Cecilia mengusahakan Pusat Tuisyen Cepak beroperasi di Taman Bahagia, Sarawak. Berikut adalah anggaran belanjawan bagi 3 bulan berakhir 30 September 2009.

- (i) Baki tunai 1 Julai 2009 ialah RM4 500
- (ii) Pada bulan Julai, terdapat seramai 90 orang murid. Semua murid dijangka membayar yuran awal setiap bulan yang berjumlah RM3 600.
- (iii) Pendaftaran murid baru berjumlah 30 orang pada bulan Ogos. Yuran bulanan ditetapkan RM40 seorang. Bayaran pendaftaran dikenakan pada kadar RM10 seorang.
- (iv) Tiada pertambahan murid dijangka berlaku pada bulan-bulan seterusnya.
- (v) Upah guru tuisyen sebanyak RM3 100 sebulan dibayar pada akhir setiap bulan.
- (vi) Kadar bayaran RM200 padan bulan Julai, perbelanjaan ini dijangka bertambah 10% untuk bulan Ogos dan September.
- (vii) Perniagaan bercadang membeli sebuah mesin fotostat berharga RM5 000. Bayaran deposit dibuat pada bulan Julai sebanyak RM3 000 manakala bakinya akan dijelaskan pada bulan berikutnya.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 September 2009.

Soalan 3

Cik Su Lin memulakan Perusahaan Gula Melaka pada 1 Januari 2009 dengan modal tunai sebanyak RM30 000. Beliau telah menyediakan anggaran kewangan bagi 3 bulan berakhir 31 Mac 2009. Anggaran tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Pada awal bulan Januari , perniagaan akan membeli sebuah mesin bernilai RM20 000 secara tunai.
- (ii) Perniagaan akan mendapat pinjaman bank RM20 000 pada bulan Januari 2009. Ansuran pinjaman akan dibayar balik RM500 setiap bulan bermula bulan Februari 2009.
- (iii) Jualan tunai bagi bulan Januari berjumlah RM10 000 dan akan bertambah pada tiap-tiap bulan sebanyak 10% daripada jualan bulan sebelumnya.
- (iv) Belian:

Januari	RM 3 000
Februari	3 200
Mac	3 300

60% daripada belian ialah belian tunai, 40% diberi tempoh kredit 1 bulan.
- (v) Belanja bulanan yang tidak berubah ialah:

Gaji	RM 700
Sewa premis	1 000

Anda dikehendaki menyediakan:

Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2009 bagi Perusahaan Gula Melaka.

Soalan 4

Pn. Farah ingin membuka Kedai Runcit Farah di Taman Sri Indah, Bedong, Kedah pada tahun 2009. Beliau telah membuat anggaran pendapatan dan perbelanjaan seperti berikut:

- a) Modal yang dilaburkan RM25,000.
- b) Anggaran Jualan adalah seperti berikut:

Bulan	Januari	Februari	Mac	April
Jualan (RM)	7000	7500	8000	9000

Dijangkakan 20% merupakan jualan kredit yang akan diberi tempoh satu bulan.

- c) Belian tunai bulan Januari RM4000. Dijangka belian naik 10% dari bulan-bulan sebelumnya.
- d) Pemilik bercadang membeli sebuah van terpakai dengan harga RM10 000 pada bulan Februari. Bayaran pendahuluan sebanyak RM5 000 dibayar pada bulan berkenaan. Bakinya dibayar secara ansuran mulai bulan berikutnya selama lima bulan.
- e) Anggaran belanja bagi bulan Januari hingga April:
 - Gaji pekerja RM600
 - Kadar bayaran RM250
 Semua belanja akan dibayar pada bulan berkenaan.

Anda dikehendaki menyediakan:

Penyata Belanjawan Tunai bagi 4 bulan berakhir 30 April 2009.

Soalan 5

Koperasi Sekolah Menengah Sungai Antu telah menyediakan anggaran kewangan bagi suku tahun berakhir 31 Mac 1999. Anggaran tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Baki tunai pada 1 Januari sebanyak RM5 000.
- (ii) Jualan tunai bagi bulan Januari berjumlah RM10 000 dan akan berkurangan pada tiap-tiap bulan sebanyak 10% daripada jualan bulan sebelumnya.
- (iii) Belian tunai dilakukan 2 bulan sekali iaitu RM12 000 bagi bulan Januari dan dikurangkan 20% bagi bulan Mac.
- (iv) Koperasi memperoleh hasil RM1 000 setiap bulan dengan mengendalikan kelas komputer.
- (v) Pada bulan Januari koperasi menerima 20 orang ahli baru. Bayaran masuk RM2 dikenakan kepada setiap orang ahli.
- (vi) Belanja bulanan yang tidak berubah ialah:

RM	
Upah	300
Belanja am	200
- (vii) Pada bulan Februari koperasi membeli sebuah mesin fotostat berharga RM4 000 secara tunai. Susut nilai diperuntukan sebanyak 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

Penyata belanjawan tunai bagi bulan Januari hingga Mac 1999.

TOPIK 8: PERAKAUNAN UNTUK TUNAI**8.2 PENYATA PENYESUAIAN BANK****Soalan 1**

1. Penyata Bank bulan Jun 2009 yang diterima oleh Yaya Enterprise menunjukkan baki yang berbeza dengan baki buku tunainya.

BANK UTAMA BERHAD					
No. 115, Jalan Sentosa,					
88000 Tawau, Sabah					
Yaya Enterprise No. 666, Jalan Bukit Lima, 88000 Tawau, Sabah			Tarikh: 30 September 2009 No. Akaun: 1112-666-7778		
PENYATA BANK					
Tarikh	Butiran	No. Cek	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
2009					
Jun 1	Baki b/b				3559 (Dt.)
3	Simpanan			3100	459 (Dt.)
6	Cek	222122	2044		2503 (Dt.)
8	Cek	222120	325		2828 (Dt.)
9	Arahan debit - Syarikat Selesa Bhd		766		3594 (Dt.)
11	Simpanan			820	2774 (Dt.)
12	Cek	222123	2267		5041 (Dt.)
14	Dividen (Syarikat Susan)			1231	3810 (Dt.)
15	Cek	222124	2910		6720 (Dt.)
17	Caj Bank		55		6775 (Dt.)
21	Simpanan			6000	775 (Dt.)
20	Cek	222125	2082		2857 (Dt.)
23	Simpanan			4902	2045 (Kt.)
25	Cek	222126	3292		1247 (Dt.)
27	Simpanan			3660	2413 (Kt.)
29	Cek	222127	1816		597 (Kt.)

Buku Tunai (Ruangan Bank sahaja)

Tarikh	Butiran	RM	Tarikh	No.Cek	Butiran	RM
2009			2009			
Jun 1	Jualan	3100	Jun 1		Baki b/b	3884
9	Komisen	820	2	222122	Kedai Ming	2044
16	Wendy	4902	7	222123	Belian	2672
18	Pinjaman	6000	11	222124	Gaji	2910
19	Syarikat Kiki	1240	15	222125	Perabot	2082
24	Kadir	2342	17	222126	Puan Fatin	3292
27	Jualan	3660	23	222127	Insurans	1816
30	Baki h/b	734	26	222128	Juliana	3090
			28	222129	Kedai Jin	1008
		22798				22798

Maklumat Tambahan :

- (i) Cek bernombor 222123 dicatatkan dengan jumlah yang salah dalam buku tunai.
- (ii) Cek yang diterima pada 24 Jun 2009 dipulangkan oleh bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh Bayar".

Anda dikehendaki :

- (a) mengemaskini Buku Tunai untuk bulan Jun.
- (b) menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2009.

Soalan 2

Cik Lai Mae telah menerima penyata bank yang menunjukkan bahawa bakinya pada 31 Julai tidak sama dengan Buku Tunainya.

BUKU TUNAI

Tarikh	Butir	Bank	Tarikh	Butir	No. cek	Bank
2006		RM	2006			RM
Jul 1	Baki b/b	3 442	Jul 4	Belian	10511	332
4	Komisen	210	10	Insurans	10512	240
15	Maniam	268	18	Mohd Ali	10513	195
20	Siow Hing Siong	200	22	Kedai Lee	10514	223
27	Soon Fatt	140	30	Gaji	10515	250
30	Jualan	275	31	Baki h/b		3 295
		4 535				4 535
Ogos 1	Baki b/b	3 295				

PENYATA BANK

Tarikh	Butir	No. cek	Debit	Kredit	Baki (RM)
2006					
Jul 1	Baki b/b				3 642
2	Cek	10509	112		3 530
4	Cek	10510	88		3 442
6	Deposit			210	3 652
8	Cek	10511	332		3 320
18	Deposit			268	3 588
19	Cek	10512	240		3 348
21	Cek	10513	195		3 153
27	Dividen Wangi Bhd.			228	3 381
28	Cek	10514	232		3 149
30	Buku cek		10		3 139
31	Deposit			140	3 279

- Cek yang diterima daripada Siow Hing Siong didapati tidak laku.
- Cek bernombor 10514 yang dikeluarkan kepada Kedai Lee dicatatkan dengan jumlah yang salah dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2006 tanpa menyelaraskan Buku Tunai

Soalan 3

Syarikat Primer Sdn. Bhd. telah menerima penyata banknya bagi bulan Julai 2008. Berikut ialah buku tunai dan penyata banknya untuk bulan tersebut.

PENYATA BANK					
BANK AMAN BHD					
<i>No 52 Jalan Syed Othman 26800 Kuala Rompin</i>					
Syarikat Primer Sdn Bhd <i>313 Jalan Masjid 26800 Kuala Rompin</i>			No. Akaun : 313-363707 Tarikh : 31 Julai 2008		
Tarikh	Butir	No. Cek	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
2008					
Julai 1	Baki				522Dt
5	Cek	707181	660		1 182Dt
8	Dividen – Syarikat Intan			1 475	293Kt
10	Cek	707179	354		61Dt
19	Cek	707178	380		441Dt
21	Cek	707183	430		871Dt
23	Deposit			5 760	4 889Kt
24	Cek	707184	4 236		653Kt
27	Cek	707180	1 535		882Dt
30	Deposit			435	447Dt

BUKU TUNAI (RUANGAN BANK SAHAJA)

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	No. Cek	RM
2008			2008			
Julai 7	Jualan	5 760	Julai 1	Baki b/b		1 256
13	Milah	435	2	Kedai Maju	707180	1 535
18	Rozaimi	854	4	Ceria Tulin	707181	660
21	Syarikat Murni	1 036	5	Edu Enterprise	707182	1 200
24	Tunas Mekar	1 108	21	Belian	707183	430
31	Baki h/b	124	24	Syarikat Taha	707184	4 236
		9 317				9 317

Maklumat Tambahan :

- (i) Cek yang diterima pada 24 Julai 2008 dipulangkan oleh bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh Bayar".

Anda dikehendaki :

- (a) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2008. (tanpa mengemaskinikan Buku Tunai).

Soalan 4 & 5

Penyata Bank bulan April 2009 yang diterima oleh Perniagaan Rosie menunjukkan baki yang berbeza dengan baki buku tunainya.

BANK BERKAT BERHAD TINGKAT 1, WISMA SHEIKH AHMAD JALAN KELISA PASIR GUDANG, JOHOR					
PERNIAGAAN ROSIE 34, JALAN MAWAR 3, PASIR GUDANG, JOHOR			TARIKH: 30 APRIL 2009 No. Akaun: 010-134268842		
PENYATA BANK					
TARIKH	BUTIRAN	NO.CEK	WANG KELUAR RM	WANG MASUK RM	BAKI RM
2009					
Apr 1	Baki b/b				16300
5	Cek	212531	2040		14260
10	Cek	212532	1200		13060
11	Deposit			6120	19180
	Deposit			2088	21268
12	Cek	212530	1600		19668
	Buku Cek		30		19638
14	Cek	212534	4400		15238
16	Deposit			3480	18718
22	Cek	212536	11266		7452
	Cek	212535	5434		2018
25	Deposit			4248	6266
29	Dividen (Syarikat Kemas Bhd)			3120	9386
30	Pindahan Kredit (Syarikat Juwara Berhad)			4600	13986
	Deposit			4860	18846

Buku Tunai (Ruangan bank sahaja)

Tarikh	Butiran	RM	Tarikh	Butiran	No.Cek	RM
2009			2009			
Apr 1	Baki b/b	14700	Apr 2	Sewa	212531	2040
3	Jualan	6120	4	Baiki alat pejabat	212532	1200
5	Azwa Berhad	2088	6	Gaji	212533	1416
8	Lai Chee	3480	10	Angkutan	212534	4400
21	Faezah	6072	14	Kedai Fauziah	212535	5344
22	Roslina	4248	20	Syarikat Teguh	212536	11266
29	Zarina	4860	23	Kedai Dobi Yana	212537	240
30	Baki h/b	5794	27	Syarikat Ceria	212538	20880
			30	Insurans	212539	576
		47362				47362
			Mei 1	Baki b/b		5794

Maklumat Tambahan :

- (i) Cek bernombor 212535 yang dibayar kepada Kedai Fauziah dicatatkan dengan jumlah yang salah dalam Buku Tunai.

Soalan 4: Anda dikehendaki :

- (a) mengemaskini Buku Tunai
 (b) menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 April 2009.

Soalan 5: Anda dikehendaki :

- (a) menyediakan Penyata Penyesuaian bank pada 31 April 2009 bermula dengan baki Buku Tunai (tanpa kemaskini Buku Tunai)

TOPIK 9: PENGGAJIAN**Soalan 1**

Syarikat Goyang Gerudi telah mengambil seorang kerani kewangan dengan gaji bulanan sebanyak RM 450. Caruman KWSP ialah 9 % oleh pekerja dan 12% oleh majikan. Anda dikehendaki menghitung :

- i Gaji Kasar
 ii Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Soalan 2

Berikut adalah senarai pendapatan dan perbelanjaan En. Mohd bagi bulan Januari 2009. Gaji Pokok RM 3100 , Elaun Sara Hidup RM 300, Elaun Makan RM 150 dan Elaun Dobi RM 55. Dia mencarum dalam KWSP sebanyak 9% dan PERKESO sebanyak RM 30 sebulan. En. Mohd juga membayar pinjaman perumahan sebanyak RM 700 , yuran NUTP RM 5 dan koperasi sebanyak RM 30.

Kirakan gaji bersih yang diterima oleh En. Mohd.

Soalan 3

